

Kata Tanya

1. Kata Tanya ialah kata yang digunakan dalam ayat tanya untuk *menanyakan sesuatu*.
2. Sekiranya kata Tanya dikedepankan, maka hendaklah disertai dengan partikel *-kah*

Kata Tanya	Penggunaan	Ayat Contoh
adakah	<ul style="list-style-type: none">• untuk bertanya tentang sesuatu hal• jawapannya ialah <i>ya</i> atau <i>tidak</i>	<ol style="list-style-type: none">1. <i>Adakah</i> awak yang mengambil buku saya?2. <i>Adakah</i> mereka tahu tentang peristiwa yang menggemparkan itu?
apa	<ul style="list-style-type: none">• untuk menanyakan benda dan haiwan	<ol style="list-style-type: none">1. <i>Apakah</i> yang kamu lakukan sebentar tadi?2. <i>Benda</i> itu <i>apa</i>?
bagaimana	<ul style="list-style-type: none">• untuk menanyakan cara atau keadaan	<ol style="list-style-type: none">1. <i>Bagaimakah</i> kamu menjawab soalan itu?2. <i>Bagaimakah</i> keadaan kamu sekarang?
berapa	<ul style="list-style-type: none">• untuk menanyakan bilangan, jumlah dan harga	<ol style="list-style-type: none">1. <i>Berapakah</i> jumlah murid di dalam kelas kamu?2. Harga setandan pisang <i>berapa</i>?
bila	<ul style="list-style-type: none">• untuk menanyakan masa dan waktu	<ol style="list-style-type: none">1. <i>Bilakah</i> kamu sampai di sini?2. Kamu ke pasar <i>bila</i>?
kenapa/ mengapa	<ul style="list-style-type: none">• untuk menanyakan sebab	<ol style="list-style-type: none">1. <i>Mengapakah</i> Nurul menangis?2. <i>Kenapakah</i> dia masih belum pulang lagi?3. Dia terjerit-jerit <i>kenapa</i>?
mana	<ul style="list-style-type: none">• untuk menanyakan tempat	<ol style="list-style-type: none">1. Di <i>manakah</i> letaknya Gunung Kinabalu?2. Pembaris saya <i>mana</i>?
siapa	<ul style="list-style-type: none">• untuk menanyakan orang	<ol style="list-style-type: none">1. <i>Siapakah</i> nama guru kelas kamu?2. Orang itu <i>siapa</i>?

BM UPSR Kertas 1
Soalan 22 - Ayat Tanya

Latihan 1

Tulis ayat tanya yang paling sesuai bagi jawapan yang diberi.

1. Ayat tanya:

Jawapan: Ya, Cikgu Zaidi yang akan menjadi guru pengiring kami sepanjang lawatan itu.

2. Ayat tanya:

Jawapan: Aina layak dipilih sebagai ketua kelas kerana dia seorang pelajar yang berdisiplin dan bertanggungjawab.

3. Ayat tanya:

Jawapan: Harga barang yang semakin meningkat amat merisaukan para suri rumah.

4. Ayat tanya:

Jawapan: Peserta hebat dari Selangor telag berjaya memenangi pertandingan catur itu.

5. Ayat tanya:

Jawapan: Pak Cik Murad, anak bongsu nenek yang membantunya bermiaga di pasar malam.

6. Ayat tanya:

Jawapan: Benar. Kakak saya akan melanjutkan pelajaran di Mesir.

7. Ayat tanya:

Jawapan: Ibu bapa yang bertanggungjawab menyemai minat membaca dalam jiwa anak-anak.

1. Ayat tanya:

Jawapan: Saya hendak berjumpa dengan rakan saya, Marissa.

2. Ayat tanya:

Jawapan: Dia bertolak dari Ipoh pada pukul 7.30 pagi.

3. Ayat tanya:

Jawapan: Adli yang telah mendapat tempat pertama dalam kelas saya.

4. Ayat tanya:

Jawapan: Barang-barang untuk dikitar semula saya asingkan di bangsal itu.

5. Ayat tanya:

Jawapan: Kita perlu menjaga kebersihan sungai kerana sungai ialah sumber air yang penting.

6. Ayat tanya:

Jawapan: Saya ingin pesan secawan kopi dan dua potong pisang goreng.

7. Ayat tanya:

Jawapan: Jumlah tambang bas pergi dan balik sekolah saya setiap hari ialah RM3.00.

1. Ayat tanya:

Jawapan: Saya berlatih bermain badminton pada setiap petang.

2. Ayat tanya:

Jawapan: Kemalangan di simpang jalan itu berlaku kira-kira pada pukul tiga pagi tadi.

3. Ayat tanya:

Jawapan: Natasya yang menjadi juara dalam pertandingan bercerita semalam.

4. Ayat tanya:

Jawapan: Ahli-ahli Persatuan Sejarah yang menyertai lawatan sambil belajar ke muzium itu.

5. Ayat tanya:

Jawapan: Kuih dalam itu dibuat daripada tepung gandum dan tepung beras.

6. Ayat tanya:

Jawapan: Saya membeli permainan ini di Pasar Raya Tanzir.